


1103/1
SULIT
PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU
KERTAS 1



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KOTA KINABALU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2024

PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU KERTAS 1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT. Kegunaannya khusus untuk pemeriksayang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahanini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

**BAHAGIAN A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
(30 markah)**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<u>Tema/Tugasan</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan. <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian jelas dan matang. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai. *Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.
		<u>Tema/Tugasan</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian jelas.

KEPUJIAN	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai.
MEMUASKAN	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tema/Tugasan</u> - Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. <u>Idea</u> - Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata masih luas /terhad. - Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan bahasa yang ketara. - Penggunaan tanda baca masih betul. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. - Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas - Wacana masih lengkap. - Pemerenggan masih sesuai.
PENGUASAAN MINIMUM	10 – 14 (12 – 14) (10 - 11)	<u>Tema/Tugasan</u> - Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. <u>Idea</u> - Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian kurang jelas.

		<u>Bahasa</u> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. • Penggunaan kosa kata masih terhad. • Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. • Ejaan masih mengikut sistem ejaan rumi yang baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. • Wacana kurang lengkap. • Pemerenggan kurang sesuai.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugas. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

Bahagian B : Karangan Respons Terbuka
[70 markah]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	64 – 70	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa bervariasi. - Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan sangat menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai. - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
	(68 – 70) (64 – 67)	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u>

KEPUJIAN	55 - 63 (59 - 63) (55 – 58)	- Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai. - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
BAIK	45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	<u>Tugas</u> - Karangan masih menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian masih jelas. - Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. - Penggunaan kosa kata umum. - Ejaan dan tanda baca yang masih betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. - Pemerenggan yang masih sesuai. - Wacana masih lengkap. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
		<u>Tugas</u>

MEMUASKAN	35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	• Karangan masih / kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian kurang jelas. • Contoh kurang sesuai. <u>Bahasa</u> • Ayat kurang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan ejaan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Pemerenggan yang kurang sesuai. • Wacana masih / kurang lengkap. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
PENGUASAAN MINIMUM	21 – 34 (28 - 34) (21 - 27)	<u>Tugas</u> • Karangan kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas/ bercampur aduk. • Huraian tidak jelas/ tidak berkembang. • Contoh yang tidak sesuai. <u>Bahasa</u> • Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami. • Penggunaan kata kurang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Penggunaan unsur bahasa yang tidak bervariasi. • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan.

		<u>Pengolahan</u> • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (1 – 10)	• Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. • Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai.

2.0 Pemeriksa hendaklah memberi **komen** pada karangan yang diperiksa.

3.0 **Cara menanda kesalahan isi, bahasa, ejaan dan tanda baca**

()	=	Kesalahan isi / fakta
_____	=	Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	=	Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	=	Kesalahan ejaan yang berulang
	=	Kesalahan tanda bacaan

4.0 Perkara-perkara berikut dikira sebagai satu perkataan :

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama khas
5. Peribahasa
6. Penanda Wacana



Soalan Bahagian A

Format penulisan komen:

- T - menepati tema
- I - relevan , huraian jelas.
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas.
- P - menarik dan berkesan.

Petikan, keratan akhbar dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan pencemaran alam sekitar di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **pencemaran alam sekitar di Malaysia**.

Kehendak /tugasan soalan:

- i Calon dikehendaki menghuraikan **langkah-langkah untuk mengatasi pencemaran alam sekitar** iaitu:
 - Program kitar semula.
 - Penalti dan penjara mandatori.
- ii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iii. Sekiranya calon menyentuh bahan dan menambah idea lain berkaitan langkah-langkah / cara-cara mengatasi pencemaran alam sekitar– diterima dan disemak seperti biasa.
- iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- v. Calon yang menulis **melebihi 210** patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- vi. Calon menulis **kurang daripada 140** patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN**.
- vii. Calon yang menulis jawapan dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**.

SOALAN BAHAGIAN B

1. Format penulisan komen:

T- menjawab tugas

I-relevan , huraian jelas

B-gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata
luas dan tepat.

P-menarik dan berkesan

- Jika calon menulis dalam bentuk poin- maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**.
- Lebih 511 dan ke atas , idea jelas, bahasa gramatis- maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- 339 dan ke bawah , idea baik, bahasa baik-maksimum peringkat **BAIK**.

Soalan 1

Sebagai pelajar yang cakna, pastinya akan membuat persediaan yang secukupnya untuk menghadapi peperiksaan. Pelajar yang mempunyai matlamat biasanya bermula dengan membuat perancangan strategik terutama jadual belajar yang berkesan. Mereka juga perlulah mencari bahan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan semasa. Selain perkara berkaitan pembelajaran, pelajar perlu mengutamakan kesihatan. Apabila menghampiri peperiksaan sepatutnya pelajar menumpukan sepenuh perhatian kepada peperiksaan yang bakal dihadapi.

Dipetik dan diubah suai daripada,
“Debaran peperiksaan terpenting”
Metro, 12 Ogos 2024.

Petikan di atas menjelaskan perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh setiap pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan.

Huraikan persediaan-persediaan pelajar untuk menghadapi peperiksaan

Kehendak/ tugas soal

Calon dikehendaki menghuraikan persediaan-persediaan pelajar untuk menghadapi peperiksaan :

- i) jadual belajar yang berkesan
- ii) mencari bahan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan semasa
- iii) pelajar perlu mengutamakan kesihatan

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea-idea lain yang berkaitan persediaan-persediaan pelajar - terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain- maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan- maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea-idea luar berkaitan tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **BAIK**.

Soalan 2

E-dompet merupakan perkakasan elektronik dalam talian yang membolehkan transaksi dilakukan melalui telefon pintar atau peralatan komputer. Kebanyakan e-dompet seperti kad kredit atau debit dihubungkan kepada akaun bank pengguna untuk membuat pembayaran. Oleh itu e-dompet lebih selamat jika dibandingkan dengan membawa wang tunai. Selain itu, penggunaan e-dompet mudah untuk mengurus perbelanjaan kerana mempunyai rekod transaksi serta kaedah pembayaran yang lebih pantas dan efisien.

Sumber : *Internet*

Sebagai respons terhadap pernyataan di atas, huraikan kebaikan-kebaikan menggunakan e-dompet.

Kehendak/ tugas soal

Calon dikehendaki menjelaskan **kebaikan-kebaikan menggunakan e-dompet** seperti dalam petikan iaitu:

- i) e-dompet lebih selamat jika dibandingkan dengan membawa wang tunai
- ii) penggunaan e-dompet mudah untuk mengurus perbelanjaan kerana mempunyai rekod transaksi
- iii) kaedah pembayaran yang lebih pantas dan efisien.

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan idea-idea lain yang berkaitan persediaan-persediaan pelajar - terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain- maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon Menghuraikan sebahagian idea dalam petikan- maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea-idea luar berkaitan tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **BAIK**.

Soalan 3

Sebenarnya, purata umur petani di negara ini melebihi 55 tahun dengan petani lebih tua dikatakan sukar atau enggan menerima perubahan dan kurang cenderung mempelbagaikan pengeluaran serta kurang berupaya menggunakan teknologi baharu. Malaysia memerlukan komuniti pertanian sandaran daripada belia untuk menyokong kumpulan petani semasa kerana generasi muda ialah aset penting bagi pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Dipetik dan diubah suai daripada,
“ *Belia Digalak Ceburi Pertanian Modern*”,
Bharian, 9 September 2021.

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa golongan belia merupakan generasi pelapis untuk menyokong kumpulan petani bagi memajukan bidang pertanian kini.

Huraikan usaha-usaha untuk menarik minat generasi muda menceburkan diri dalam bidang pertanian di negara kita.

Kehendak/ tugas soal

Calon dikehendaki menghuraikan **usaha-usaha untuk menarik minat generasi muda menceburkan diri dalam bidang pertanian di negara kita.**

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea yang berkaitan usaha-usaha untuk menarik minat generasi muda dalam bidang pertanian di negara kita -terima seperti biasa
2. Calon membincangkan fokus lain (faktor / manfaat) - maksimum peringkat **BAIK**.
3. Calon menghuraikan semua idea yang berkaitan usaha-usaha untuk menarik minat masyarakat dalam bidang pertanian-terima seperti biasa.

Soalan 4

Kejadian kemalangan melibatkan murid sama ada di dalam atau di luar pagar sekolah turut mengundang persoalan sejauh mana aspek keselamatan dititikberatkan oleh semua pihak agar memastikan kejadian sama tidak berulang. Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan kejadian seorang murid dilanggar bas sekolah di hadapan rumah yang turut menerima pelbagai reaksi daripada masyarakat mengenai aspek keselamatan murid sekolah ketika menggunakan pengangkutan berkenaan.

Dipetik dan diubah suai
”Wujudkan Persekitaran Sekolah Selamat, Semua Pihak perlu Mainkan Peranan”,
Sinar Harian, Nor Azmah Mohamat Laila
02 Dec 2021.

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan peranan pelbagai pihak dalam menjaga keselamatan murid-murid di dalam dan di luar sekolah.

Kehendak/ tugas soal

Calon dikehendaki menghuraikan peranan pelbagai pihak menjaga keselamatan murid-murid di dalam dan di luar sekolah.

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea yang berkaitan peranan pelbagai pihak dalam menjaga keselamatan murid-murid di dalam dan di luar sekolah -terima seperti biasa
2. Calon membincangkan fokus lain (faktor/ manfaat) - maksimum peringkat **BAIK**.
3. Calon menghuraikan semua idea yang berkaitan **peranan satu pihak** (tetapi banyakusaha yang dilakukan) dalam menjaga keselamatan murid-murid di dalam dan diluar sekolah **-terima seperti biasa.** (Perlu nyatakan pihak tersebut)

PERATURAN PERMARKAHAN TAMBAHAN TAMAT